

JAWATANKUASA
PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI
BAHASA MELAYU DEWAN

1. Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Hashim Musa (Universiti Putra Malaysia)
2. Prof. Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
3. Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz (Universiti Putra Malaysia)
4. Tuan Haji Hamdan Abdul Rahman (Pakar Tulisan Jawi)
5. Tuan Haji Azman Ahmad (Dewan Bahasa dan Pustaka)
6. Dr. Rusmadi Baharudin (Dewan Bahasa dan Pustaka)
7. Puan Aminah Awang Basar (Dewan Bahasa dan Pustaka)
8. Puan Filzah Ibrahim (Dewan Bahasa dan Pustaka)
9. Puan Hasliha @ Nor Hasliha Mat Zabidi (Dewan Bahasa dan Pustaka)
10. Puan Nor Farhana Che Mat (Dewan Bahasa dan Pustaka)
11. Puan Mohaini Mohd Saffar (Dewan Bahasa dan Pustaka)
12. Puan Aida Rohayu Azmi (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Turut membantu:

13. Encik Mohd Fadzli Tajuid (Dewan Bahasa dan Pustaka)
14. Encik Mohd Riduwan Wahab (Dewan Bahasa dan Pustaka)
15. Encik Syed Mohd Yasir Syed Ahmad (Dewan Bahasa dan Pustaka)

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Pendahuluan</i>	xi
Bab Satu: Abjad Jawi	1
1.1 Huruf Jawi	1
1.2 Bentuk Huruf dan Cara Penulisannya	5
1.3 Perlambangan Vokal	14
1.4 Perlambangan Diftong	20
1.5 Perlambangan Konsonan	22
Bab Dua: Penulisan Kata	30
2.1 Kata Tunggal	30
2.1.1 Ekasuku	30
2.1.2 Dua Suku Kata atau Lebih	32
2.1.3 Tiga Suku Kata atau Lebih	54
2.2 Kata Terbitan	57
2.3 Kata Majmuk	78
2.4 Kata Sendi Nama	79
2.5 Kata Ganti Nama Diri Singkat	80
2.6 Kata Ganda	82
2.7 Partikel	83
Bab Tiga: Penulisan Kata Serapan	86
3.1 Kata Serapan daripada Bahasa Arab	86
3.2 Kata Serapan daripada Bahasa Inggeris	101

KANDUNGAN

Bab Empat: Penulisan Kata Nama Khas	104
Bab Lima : Penulisan Angka dan Lambang Bilangan	111
5.1 Tarikh	111
5.1 Mata Wang	112
5.1 Sistem Nombor	113
Bab Enam : Penulisan Akronim dan Singkatan	115
Bab Tujuh : Penulisan Tanda Baca	120
<i>Bibliografi</i>	121

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT yang telah memberikan taufik dan hidayah serta kekuatan kepada warga kerja yang terlibat dalam penyelarasan dan pemantapan buku *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* ini sehingga berjaya diterbitkan sebagai rujukan umum. Sebagai badan berkanun yang diamanahkan untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu dalam semua bidang ilmu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa berusaha memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, memperbanyak produk penerbitan demi memantapkan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu.

DBP sentiasa berusaha menyediakan dan memantapkan sistem bahasa Melayu sesuai dengan keperluan semasa dan perkembangan yang berlaku dalam bahasa ini. Usaha ini termasuklah penyediaan dan pengemaskinian pedoman serta aturan penggunaan bahasa Melayu, misalnya buku *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* ini. Buku ini dapat membantu masyarakat menggunakan tulisan Jawi dengan betul berdasarkan sistem ejaannya.

Beberapa buah buku pedoman tentang ejaan Jawi bahasa Melayu telah diterbitkan oleh DBP, antaranya termasuklah buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986), *Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu* (1996) dan *Daftar Kata Bahasa Melayu* (2008; 2016). Maklumat daripada buku ini dimanfaatkan sepenuhnya dan digunakan untuk melengkapkan sistem ejaan Jawi seperti yang terkandung dalam buku pedoman ini. Selain itu, segala makluman balas, pandangan, teguran dan cadangan yang

KATA PENGANTAR

diterima daripada pengguna tulisan Jawi juga diambil kira dalam penyediaan pedoman ini.

Jutaan terima kasih saya rakamkan kepada semua pakar rujuk tulisan Jawi yang bertungkus lumus membantu dan menyumbangkan kepakaran dalam merumuskan dan mengemas kini kaedah yang disajikan dalam buku ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pegawai Bahagian Penyelidikan Bahasa, DBP yang menyusun buku pedoman ini. Sesungguhnya bantuan dan dedikasi anda amat saya hargai. Saya berharap buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna yang memerlukan panduan yang lengkap tentang pengejaan perkataan dalam tulisan Jawi.

Datuk Abang Sallehuddin Abg Shokeran

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka

PENDAHULUAN

Sistem tulisan dan ejaan Jawi yang digunakan di Malaysia sekarang ialah sistem yang terdapat dalam buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) terbitan rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1986 (edisi kedua, 1987; edisi ketiga, 1993). Sistem ini merupakan sistem ejaan Jawi terkini yang disempurnakan daripada kaedah ejaan Jawi yang berasaskan kaedah ejaan Jawi Za'ba (sebagaimana yang terdapat dalam buku *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi*, 1949). Buku *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (1986) dihasilkan daripada rumusan Konvensyen Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan di Kuala Terengganu, yang diadakan pada tahun 1984. Hasil konvensyen tahun 1984 itu telah diselaraskan dan diperkemas dengan maklumat yang diperoleh daripada Konvensyen Tulisan Jawi anjuran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1991 dan Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan pada tahun 1993. Semua maklumat tersebut disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan DBP pada tahun 1993 hingga tahun 1994.

Dalam konteks pendidikan pula, terdapat arahan khusus daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menghendaki PEJYD ini digunakan dalam semua peringkat pendidikan seperti yang dinyatakan dalam petikan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992 di bawah:

“Mulai dari tarikh ini (22 Jan. 1992) *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu hendaklah digunakan di semua sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga

PENDAHULUAN

Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh negara.”

Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan ini pula merupakan pedoman terkini tentang sistem ejaan Jawi yang disusun berdasarkan dokumen pedoman ejaan Jawi yang telah diterbitkan oleh DBP, dan maklumat pedoman ejaan Jawi yang diselaraskan selepas itu, khususnya daripada terbitan yang berikut:

- (a) *Daftar Ejaan Rumi-Jawi*, Cetakan Kedua, 1989.
- (b) *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*, Cetakan Pertama Edisi Ketiga, 1993.
- (c) *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*, Cetakan Pertama, 2001.
- (d) *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*, Edisi Kedua, Cetakan 2008 dan 2016.

Daripada keterangan di atas, pedoman umum ejaan Jawi yang digunakan sekarang masih berdasarkan kaedah ejaan Jawi dalam buku *Daftar Ejaan Melayu* (1949) oleh Za’ba dengan beberapa penambahbaikan telah dilakukan. Pembaharuan yang dibuat ini selaras dengan pendapat Za’ba sendiri yang menyatakan bahawa, “Tulisan Jawi itulah yang terlebih berkehendak diaturnya ejaannya dan disusun dia mengikut tertib hurufnya, kerana ejaannya banyak yang masih simpang perenang.” (Za’ba, 1949:10)

Pada dasarnya, kaedah ejaan Jawi Za’ba berasaskan tiga prinsip, iaitu:

- (a) Ekonomi

Ejaan ini menggunakan seminum mungkin bilangan huruf berbanding dengan ejaan Rumi.

- (b) Kepastian

Ejaan yang menimbulkan kesamaran sebutan hendaklah diubah suai dengan menambah vokal supaya lebih jelas bunyinya serta dapat mengurangkan kesamarannya.

PENDAHULUAN

(c) Ramai Pengguna

Ejaan yang diterima pakai hendaklah ejaan yang biasa digunakan oleh para guru dan penulis Melayu.

Prinsip ejaan Jawi Za'ba ini telah diubah suai berdasarkan sistem bunyi dan bentuk kata dalam bahasa Melayu dan telah dipecahkan kepada tiga kelompok sistem ejaan, iaitu:

- (a) Kata Melayu jati.
- (b) Kata serapan daripada bahasa Arab.
- (c) Kata serapan daripada bahasa Inggeris.

Ketiga-tiga kelompok ini mempunyai sistem ejaan yang tersendiri. Kata Melayu jati ialah kata yang berasal daripada bahasa Melayu lama dan disebut dengan sistem sebutan Melayu oleh penutur Melayu. Kata serapan ialah kata daripada bahasa asing (Arab, Inggeris dan lain-lain) yang masuk ke dalam bahasa Melayu.

Kata yang telah lama terserap dan/atau sehati dengan sistem bunyi bahasa Melayu seperti kata serapan daripada bahasa Sanskrit, Tamil dan Cina akan dieja berdasarkan kaedah ejaan kata Melayu jati. Kata serapan yang sebutannya belum sehati dengan sebutan Melayu seperti sesetengah perkataan yang menggunakan huruf Arab, misalnya kata serapan daripada bahasa Parsi dieja mengikut sistem bunyi atau sistem ejaan bahasa sumber. Begitu juga dengan bahasa Eropah dan lain-lain yang belum sehati dengan sebutan Melayu dieja mengikut kaedah kata serapan daripada bahasa Inggeris.

Jawatankuasa

Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan